

**Azizah Mohd Dun Mahu Tanding Naib Ketua Wanita Umno
Bernama
12 Ogos, 2013**

BEAUFORT, 12 Ogos (Bernama) -- Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Azizah Mohd Dun hari ini mengesahkan akan bertanding jawatan naib ketua Pergerakan Wanita Umno pusat pada pemilihan parti itu Oktober depan.

Ketika ditanya, anggota Parlimen Beaufort itu berkata beliau yakin penyertaannya dalam pemilihan parti akan membantu memperkukuh Umno.

"Sebagai wanita yang telah lama berkecimpung dalam Umno...menjadi ketua wanita Umno Beaufort, naib ketua wanita Umno negeri dan exco wanita Umno, saya penuh yakin bahawa banyak yang saya boleh berikan kepada wanita bukan sahaja di Sabah tetapi di seluruh negara," katanya.

Sebelum ini, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Negeri yang juga setiausaha Wanita Umno negeri Datuk Jainab Ahmad menyarankan agar ketua pergerakan itu di peringkat negeri Datuk Armani Mahiruddin bertanding bagi jawatan Naib Ketua Wanita Umno pusat.

Sementara itu, Azizah turut menyuarakan sokongan kepada Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman jika Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu bertanding untuk jawatan naib presiden Umno.

"Kami menyokong penuh Ketua Menteri dan kami percaya beliau mempunyai kebolehan dan prestasi yang baik mentadbir negeri ini," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=969466>